

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 1 TAHUN 2020

TARIKH : 21 JANUARI 2020 (SELASA)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

HADIR

1. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *S.I.S.,P.P.T.* - Pengerusi
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.* - Ahli Majlis
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
4. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis
5. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
6. Encik Hamzah bin Abu Bakar - Ahli Majlis
7. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
8. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
9. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
10. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
11. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
12. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
13. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
14. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
15. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
16. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
17. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
18. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
19. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis
20. Encik Low Kok Hua - Ahli Majlis

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 21. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |
| 22. | Encik Yunis Khalis binti Abdul Manap | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, <i>A.I.S.</i> | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 1. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>A.I.S., P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Khidmat Pengurusan |
| 2. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 3. | Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perancangan Pembangunan |
| 4. | Tuan Haji Zailani bin Hashim, <i>P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan |
| 5. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Pelesenan |
| 6. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Pengurusan
Sisa Pepejal dan Kesihatan
Persekitaran |
| 7. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 8. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan
Pembangunan Masyarakat |
| 9. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 10. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan |
| 11. | Encik Mohd Khairul bin Darini, <i>P.P.T.</i> | - | Wakil Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 12. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Ketua Unit Perundangan |
| 13. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit OSC |
| 14. | Ybhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@
Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 15. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, <i>P.P.T.</i> | - | Ketua Unit Korporat dan
Perhubungan Awam |
| 16. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat |

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------------------|
| 17. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni- | - | Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 18. | Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, <i>P.J.K.</i> | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |

DIJEMPUT HADIR

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|--------------------|
| 1. | Encik Rosli bin Ismail | - | Worldwide Holdings |
| 2. | Encik Zayrul Kama bin Kamarudzaman | - | Worldwide Holdings |
| 3. | Encik Najmi bin Mohamad Saifullah | - | Worldwide Holdings |
| 4. | Encik Hafiz bin Sulaiman | - | Worldwide Holdings |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Baharudin bin Misran, <i>P.J.K.</i> | - | Ahli Majlis |
| 3. | Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof | - | Ahli Majlis |

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Puan Nurfadhilah binti Jalaludin | - | Pegawai Tadbir |
| 2. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 4. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 5. | Cik Sitti Julaiha binti Sukur | - | Pembantu Tadbir |
| 6. | Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil | - | Pembantu Operasi |
| 7. | Encik Mohd Sahlan bin Tukiran | - | Pembantu Operasi |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>BACAAN DOA</u>	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	Makluman
2.0	<u>TAKLIMAT BERKAITAN STATUS TERKINI TAPAK PELUPUSAN SANITARI TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT OLEH WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD.</u>	
	<p>Butiran taklimat adalah seperti di Lampiran A.</p> <p><u>Sesi soal jawab</u></p> <p>1. Tuan Pengerusi ingin tahu alasan pihak Worldwide Holdings yang ingin menunggu sehingga tahun 2025 untuk melaksanakan Fasa 2 <i>Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)</i> di tapak pelupusan sanitari Tanjung Dua Belas memandangkan tapak tersebut mempunyai jangka hayat selama 7 tahun sahaja.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pihak Worldwide memaklumkan keadaan tapak pelupusan sanitari Jeram agak kritikal dimana jumlah penerimaan sisa pepejal adalah lebih tinggi berbanding keadaan sebenar tapak pelupusan tersebut. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk memulakan Fasa 1 ISWMC di Jeram terlebih dahulu.</p> <p>Walau pun ISWMC di tapak pelupusan sanitari Tanjung Dua Belas dijangka siap pada tahun 2025, pihak Worldwide telah memulakan kerja-kerja awalan seperti penyediaan Analisa Kelayakan (<i>Feasibility Study</i>) dan dalam proses penyerahan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan selanjutnya. Pihak Worldwide juga telah mengenal pasti beberapa tapak yang sesuai untuk penyediaan ISWMC berhampiran dengan tapak pelupusan ini.</p> <p>2. Tuan Pengerusi ingin tahu punca kajian tersebut lewat dilaksanakan sedangkan peningkatan jumlah sampah telah bermula pada tahun 2014. Pembangunan yang sedang berlangsung dalam daerah Kuala Langat akan</p>	Makluman

meningkatkan jumlah sampah yang dibuang di tapak pelupusan. Begitu juga dengan peningkatan jumlah sampah daripada PBT lain yang turut dibuang di tapak ini. Pihak Majlis telah membekukan cadangan pembangunan di sekitar tapak pelupusan ini untuk mengelakkan pelbagai isu berbangkit pada masa akan datang.

Jawapan

Pihak Worldwide memaklumkan akan berlaku kelewatan pembangunan ISWMC di Jeram atas masalah yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, pihak Worldwide akan cuba menjalankan pembangunan ISWMC di Tanjung Dua Belas serentak dengan Jeram. Berdasarkan perspektif operasi Worldwide pada masa ini, pemantauan dibuat mengikut syarat-syarat teknikal yang sangat ketat daripada Jabatan Alam Sekitar untuk mengelakkan berlakunya pencemaran. Penutupan sampah dibuat secara harian bagi mengelakkan longgokan sampah terbuka yang akan menimbulkan masalah bau.

Makluman

3. Tuan Pengerusi ingin tahu sama ada peningkatan sampah akan berlaku pada tahun 2020.

Jawapan

Berdasarkan data jumlah sampah yang dibuang di tapak pelupusan sanitari Tanjung Dua Belas, ia menunjukkan kadar peningkatan diantara 1 hingga 2 peratus dalam tempoh setahun. Sekiranya lebih banyak sampah dilupuskan di tapak ini, jangka hayat tapak tersebut akan lebih cepat menyusut berbanding tempoh 7 tahun yang sepatutnya.

Makluman

4. Encik Rosdi ingin tahu sama ada terdapat zon penampungan untuk pembangunan di sekitar tapak pelupusan ini kerana kluatir tapak pelupusan ini akan berada di tengah-tengah pembangunan yang pesat. Pada masa itu, mungkin tapak pelupusan ini perlu berpindah ke tempat lain.

Jawapan

Pembangunan ISWMC Fasa 2 di tapak pelupusan sanitari Tanjung Dua Belas ini mengambil kira pelbagai faktor dalam usaha untuk menampung peningkatan jumlah sampah yang dilupuskan. Pihak Worldwide menjangkakan dengan penggunaan mesin insinerator ini

Makluman

	<p>akan dapat mengurangkan isu sampah di tapak pelupusan. Pada masa ini, zon penampungan adalah 500 meter.</p> <p>5. Encik Wong Kim Loon memaklumkan terdapat aduan bau daripada tapak pelupusan ini oleh penduduk di kawasan Tanjung Sepat. Beliau ingin tahu langkah yang akan diambil oleh pihak Worldwide.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pihak Worldwide sentiasa melakukan penutupan sampah secara harian dan bercadang untuk membuat semburan bahan kimia dalam mengatasi masalah bau. Selain itu, pemantauan bau akan dilakukan di kawasan-kawasan yang berada di luar tapak pelupusan seperti di Tanjung Sepat.</p> <p>6. Encik Rosdi ingin tahu sama ada pihak Worldwide ada mengehadkan jumlah sampah yang dilupuskan di tapak pelupusan berdasarkan kapasiti harian yang sepatutnya.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pihak Worldwide menguruskan dua tapak pelupusan sanitari yang dapat menerima sisa domestik daripada seluruh daerah dalam Negeri Selangor iaitu di Tanjung Dua Belas dan Jeram. Oleh itu, pihak Worldwide tidak dapat mengehadkan penerimaan jumlah sampah harian yang dilupuskan di tapak tersebut. Secara purata, jumlah sampah yang dihasilkan di Negeri Selangor pada tahun 2016 adalah sebanyak 7,500 tan sampah sehari dimana 3,000 tan dihantar ke Jeram, 2,000 tan dihantar ke Tanjung Dua Belas dan selebihnya dihantar ke Bukit Tagar kerana terletak berhampiran dengan beberapa PBT Negeri Selangor yang terbabit.</p> <p>7. Tuan Pengerusi ingin tahu sama ada pembangunan ISWMC Fasa 2 ini tidak akan mendatangkan masalah kepada pembangunan di sekitar kawasan tersebut pada masa akan datang.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Kaedah penutupan sampah secara harian dan semburan bahan kimia dapat mengurangkan masalah bau di tapak pelupusan. Pembuangan sampah di luar kawasan tapak pelupusan juga menjadi punca kepada masalah bau dan memerlukan pemantauan yang lebih ketat. Oleh itu,</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
--	--	--

	<p>pihak Worldwide bercadang untuk memasang 'odour meter' di tapak untuk mengesan bau busuk.</p> <p>8. Encik Mat Irwan memaklumkan telah dua kali memasuki tapak pelupusan ini. Beliau menyatakan tempoh siap projek ISWMC Fasa 2 ini pada tahun 2025 adalah terlalu lama dimana pada masa itu daerah Kuala Langat sudah pesat membangun. Oleh itu, beliau mencadangkan pihak Worldwide berbincang bersama Kerajaan Negeri supaya mempercepatkan pelaksanaan projek ini.</p> <p>9. YB. Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting membangkitkan mengenai cadangan pemasangan 'odour meter' pada masa hadapan oleh pihak Worldwide. Beliau mencadangkan laporan bacaan 'odour meter' tersebut diberikan kepada pihak Majlis dan pihak Majlis dibenarkan untuk membuat pemeriksaan mengejut terhadap tapak pelupusan tersebut.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
3.0	<u>UCAPAN Pengerusi</u>	
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:	
	<p>3.1 Pihak Majlis telah merancang pelbagai program untuk tahun 2020 ini bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat. Baru-baru ini, beliau ada menerima sepucuk surat daripada Persatuan Pencinta Alam Sekitar Kuala Langat berkaitan isu pencemaran. Beliau menyatakan pihak Majlis telah melakukan pelbagai usaha dalam menangani isu pencemaran ini dan beban ini tidak sepatutnya diserahkan kepada pihak Majlis sahaja kerana terdapat jabatan-jabatan lain yang terlibat mengikut bidang kuasa masing-masing.</p> <p>Selain itu, pihak Majlis ada berhubung dengan beberapa PBT Negeri Selangor lain dan jabatan kerajaan yang berkenaan supaya mengambil tindakan terhadap kilang-kilang yang berada dalam kawasan PBT tersebut kerana didapati membuang sampah 'e-waste' dan sampah plastik dalam daerah Kuala Langat.</p> <p>Sekumpulan pelajar daripada UiTM telah membuat</p>	Makluman

		<p>kajian dengan aktiviti mudik ke Sungai Rambai daripada Sungai Langat mendapati banyak pencemaran berlaku di sepanjang sungai tersebut. Jabatan-jabatan kerajaan yang lain akan diminta untuk mengambil tindakan bersama-sama pihak Majlis.</p> <p><i>Encik E. Munusamy mencadangkan pihak Majlis mengadakan perjumpaan dengan jabatan-jabatan kerajaan daerah Kuala Langat dan berbincang mengenai bidang kuasa masing-masing supaya pihak Majlis tidak terbeban dengan pelbagai isu yang timbul kerana ia melibatkan kerjasama semua pihak.</i></p>	
	3.2	<p>Mesyuarat Sasaran Kerja Tahun 2020 MDKL baru-baru ini, pihak Majlis ada membincangkan tentang hala tuju MDKL berdasarkan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030. Namun jabatan-jabatan kerajaan daerah Kuala Langat tidak menjadikan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 ini sebagai hala tuju jabatan masing-masing. Tuan Pengerusi mengambil contoh kawasan Mukim Batu yang telah dirancang sebagai lokasi untuk semua jenis penternakan tetapi kawasan Olak Lempit telah dipilih sebagai lokasi untuk program translokasi penternakan lembu. Ini adalah kerana tapak tersebut merupakan tanah kerajaan dan merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam menangani isu lembu berkeliaran. Ini menunjukkan tiada hala tuju yang sama diantara jabatan-jabatan kerajaan daerah Kuala Langat dengan pihak Majlis.</p> <p>Oleh itu, pihak Majlis bercadang untuk mengadakan satu perbincangan dengan semua jabatan kerajaan daerah Kuala Langat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah Kuala Langat yang akan dipengerusikan oleh YB. Ahli Parlimen Kuala Langat dan dalam mesyuarat yang sesuai di peringkat Kerajaan Negeri untuk semua agensi ini bersama-sama mendukung RTKL 2030.</p> <p>Semua Ahli Majlis akan diberikan penerangan awal tentang perancangan yang bakal berlaku dalam daerah Kuala Langat berdasarkan RTKL 2030.</p>	Makluman

4.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	4.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 12 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 DISEMBER 2019	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Munusamy a/l Erishin dan disokong oleh Encik Rosdi bin Meor Endut tanpa sebarang pindaan.	Makluman
5.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
		- TIADA -	
6.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 3 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 DISEMBER 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	Perkara 4.2 Encik Ang Eu Liang memohon pihak Majlis mengadakan sesi 'townhall' bersama peniaga Pasar Baru Sungai Jarom berikutan banyak isu timbul di pasar tersebut.	
	ii.	Perkara 5.1 Encik Ang Eu Liang menyatakan terdapat keperluan untuk memasang meter air persendirian memandangkan terdapat peniaga yang tidak menggunakan air tetapi perlu membayar bil air tersebut.	

	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 1 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 JANUARI 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	Perkara 5.6.1 Pindaan kepada : Puan Nor Aishah memaklumkan lokasi pemasangan billboard digital MDKL adalah sesuai dan strategik. Oleh itu, beliau mencadangkan tawaran sewaan paparan billboard tersebut dibuka kepada pihak yang berminat.	Makluman
	ii.	Encik Teh Eng Teck memaklumkan mesyuarat ini ada membincangkan mengenai papan tanda larangan membuang sampah dalam tulisan Jawi tetapi tidak diminitkan. Beliau meminta perbincangan tersebut dicatatkan dalam minit mesyuarat ini.	Makluman
	6.3	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 1 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 JANUARI 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	Perkara 5.4 Encik Gan Yee Chin memaklumkan terdapat 'manhole' milik Telekom di Jalan Camar 19 Taman Cenderawasih yang telah rosak akibat kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor Telekom sehingga menyebabkan kemalangan berlaku di situ. Beliau berterima kasih kepada pihak JK yang telah memaklumkan perkara ini kepada pihak Telekom tetapi masih tiada tindakan. Oleh itu beliau meminta perkara ini dipanjangkan kepada pihak Telekom dalam mesyuarat yang akan datang. <i>Pihak JK akan membangkitkan isu ini dalam mesyuarat yang akan datang.</i>	Makluman

	6.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 1 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JANUARI 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	i.	Tuan Pengerusi memaklumkan sebanyak 23 unit CCTV telah disambungkan kepada 'command centre' IPD Kuala Langat untuk pemantauan bersama Jabatan Penguatkuasaan.	Makluman
	6.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 1 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JANUARI 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	i.	Perkara 4.4.3 Mesyuarat bersetuju meluluskan penganjuran Karnival Keluarga "Dinosaurs In The City" Sempena Tahun Baru Cina 2020 di kawasan tokong di Jalan Sungai Buaya kerana telah mendapat surat sokongan daripada pihak tokong.	Makluman
	6.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 1 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JANUARI 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	i.	Perkara 5.3.1 Cik Ang Lee Yong ingin tahu perkhidmatan yang akan diterima oleh penduduk kampung susulan kenaikan cukai taksir oleh pihak Majlis. <i>Pengarah JPPH memaklumkan surat tersebut adalah notis pemakluman kenaikan cukai. Pihak Majlis belum mengeluarkan bil cukai taksir kerana sedang menunggu</i>	Makluman

		<p>surat daripada Kerajaan Negeri berhubung pengecualian cukai. Dalam notis tersebut, pihak Majlis ada menyatakan bahawa tempoh masa diberikan sehingga 1 Januari 2020 untuk penduduk mengemukakan bantahan melalui surat kepada pihak Majlis.</p> <p>Encik Gan Yee Chin memohon untuk mendapatkan senarai kawasan kampung yang dikenakan cukai taksir dan pelan dalam bentuk 'soft copy'. Selain itu, beliau berharap pihak Majlis dapat menambahbaik perkhidmatan kutipan sampah domestik di kawasan kampung sebelum mengeluarkan bil cukai taksir.</p> <p>Pengarah JPPH menyatakan senarai dan pelan tersebut telah di emel kepada semua Ahli Majlis.</p>	
	6.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JANUARI 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p>Perkara 5.6.1</p> <p>Encik Gan Yee Chin menyatakan berdasarkan maklumat daripada <i>Sustainable Energy Development Authority</i> (SEDA) Malaysia, pihak Kementerian telah menyediakan inisiatif <i>Solar Photovoltaic</i> (PV) dan <i>Net Energy Metering</i> (NEM) yang membenarkan penjana tenaga melalui sistem solar. Lebihan tenaga yang dijana boleh dijual kepada syarikat penyedia perkhidmatan yang berkenaan. Beliau berpendapat ini merupakan satu inisiatif yang baik untuk mencapai matlamat <i>Low Carbon City</i> dan dapat menjimatkan elektrik dalam jangka masa panjang. Oleh itu, beliau mencadangkan pemasangan tenaga solar ini dimulakan di kawasan kecil seperti di tempat letak kereta. Beliau mencadangkan pihak Jabatan Kejuruteraan membuat kajian dan boleh berhubung dengan pihak SEDA Malaysia berkaitan inisiatif ini.</p>	Makluman

	<p>ii. Perkara 5.3.1</p> <p>Encik Lim Tou Yih ingin tahu kawasan komersil dalam kawasan kampung yang dikenakan caj tempat letak kereta. Beliau menyatakan Majlis Perbandaran Klang telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran pada tahun 1977 dan pada tahun 2019 Majlis Perbandaran Klang mula melaksanakan kutipan caj tempat letak kereta di kawasan komersil dalam kawasan kampung.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan caj tempat letak kereta boleh dikenakan terhadap kawasan yang telah diwartakan sebagai tempat letak kereta berbayar. Isu yang timbul adalah isu penguatkuasaan dan bukan isu tempat yang dikenakan caj tersebut. Namun pihak Majlis tidak pernah mengeluarkan kenyataan bahawa sesuatu kawasan itu tidak boleh dilaksanakan tempat letak kereta berbayar. Beliau menyatakan pelaksanaan dan pendekatan yang dilakukan oleh sesebuah PBT adalah berbeza dengan PBT lain.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan pihak Majlis akan membuat hebahan melalui media sosial dan menggantung 'banner' pemakluman pelaksanaan tempat letak kereta berbayar di sesuatu kawasan.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong memaklumkan terdapat kakitangan MDKL yang sedang mencari ejen menjual kupon sedangkan kertas kerja berkaitan kawasan tempat letak kereta berbayar masih belum dibincangkan.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan ejen kupon ini dilantik bagi memudahkan orang ramai membeli kupon dan kupon ini boleh digunakan di semua kawasan tempat letak kereta berbayar dalam daerah Kuala Langat. Ini bukan bermakna pihak Majlis akan melaksanakan kawasan tempat letak kereta berbayar di situ.</i></p>	Makluman
	<p>iii. Encik Lim Tou Yih mencadangkan laporan kewangan setiap jabatan melibatkan terimaan, perbelanjaan dan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dapat dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa ini untuk makluman Ahli Majlis. Ini untuk mengelakkan perbelanjaan yang tidak wujud seperti yang berlaku di PBT lain.</p> <p><i>Pihak Majlis mengambil maklum cadangan ini.</i></p>	Makluman

	6.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 1 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JANUARI 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Perkara 5.1.2 Tuan Pengerusi memaklumkan ada menerima senarai balai raya daripada Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat untuk semakan pihak Majlis sama ada terdapat balai raya yang berada dibawah penyelenggaraan MDKL. Pihak Majlis akan membalas surat kepada PDT Kuala Langat dengan menyatakan bahawa pihak Majlis tidak pernah menyelenggara mana-mana balai raya.	Makluman
7.0		MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:	
	7.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 23 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 DISEMBER 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	7.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 24 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN 20 DISEMBER 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
8.0		PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN	
		- TIADA -	

9.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Munusamy a/l Erishin.		
	i.	<p>Beliau mengucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, YB. Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.</p>	Makluman
	ii.	Terlebih dahulu beliau mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Dr. Xavier Jayakumar yang telah melantik beliau sebagai Ahli Majlis dan Pengerusi MPP Zon 17. Beliau turut berterima kasih kepada rakyat yang telah memilih Kerajaan yang memerintah pada hari ini.	Makluman
	iii.	Semua pihak melibatkan jabatan, Ahli Majlis dan penduduk setempat perlu saling bekerjasama kerana banyak perkara dapat diselesaikan melalui kerjasama ini. Ahli Majlis sebagai perantara antara pihak Majlis dengan masyarakat perlu menyampaikan maklumat yang betul mengenai pelaksanaan dasar/program yang ingin dilaksanakan oleh pihak Majlis. Beliau mengambil contoh mengenai pelaksanaan caj tempat letak kereta yang akan mula dilaksanakan di beberapa kawasan dimana terdapat Ahli Majlis yang telah menyampaikan maklumat yang tidak betul dan memburuk-burukkan nama MDKL kepada penduduk.	Makluman
	iv.	Beliau berpendapat sudah tiba masa untuk pihak Majlis mengadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan kerajaan lain dalam daerah Kuala Langat supaya memainkan peranan berdasarkan bidang kuasa masing-masing. Jabatan-jabatan ini perlu dilibatkan dalam isu seperti pencemaran sungai, pencemaran udara, sampah-sarap dan sistem saliran.	Makluman

	v.	Ahli Majlis disarankan supaya menggunakan medium yang betul dalam menyampaikan pandangan dan tidak mengeluarkan pendapat di media sosial untuk menyalahkan pihak Majlis.	Makluman
	vi.	Akhir kata beliau memohon maaf sekiranya terdapat kata-kata yang menyinggung perasaan kerana sesungguhnya yang baik itu datang daripada Tuhan dan yang tidak baik itu datang daripada kelemahan diri sendiri.	Makluman
10.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		Tuan Pengerusi mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada Ahli Majlis yang menyambut perayaan ini. Seterusnya beliau menanggungkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditanggungkan pada jam 11.25 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : 24/1/2020

Disemak oleh :



.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)

Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(**MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID**, S.I.S.,P.P.T.)


Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Rosdi b. Meor Endut
dan disokong oleh Encik Wong Kim Loon tanpa pindaan.

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
18. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN


**TAKLIMAT STATUS TERKINI
TAPAK PELUPUSAN SANITARI TANJUNG DUABELAS
DAERAH KUALA LANGAT
SELANGOR DARUL EHSAN**



**TANJUNG DUABELAS
SANITARY LANDFILL**

GENERAL INFO

TANJUNG DJABELAS SANITARY LANDFILL



WORLDWIDE
WASTE SERVICES


APPROVAL

DEIA APPROVED
17 September 2008

COMMENCED
15 January 2010

LAYOUT PLAN



TANJUNG DJABELAS SANITARY LANDFILL





WORLDWIDE
WASTE SERVICES

AREA
160 Acres

DESIGNED LIFESPAN **20** YEARS





LEACHATE TREATMENT PLANT

WORLDWIDE HOLDINGS

BIOLOGICAL PROCESS

PHYSICAL & CHEMICAL PROCESS

CAPACITY:

450 MB PER DAY

MONITORING PLAN

WORLDWIDE HOLDINGS

DISCHARGE POINT

Discharge to Kelembau River (Class III)

03 KM Before flowing to Langkat River (Class III)

TC 12 SL

Google

LTP	Weekly
Surfacewater	Monthly
Groundwater	Quarterly
Ambient Air	Quarterly
Noise	Quarterly

ENVIRONMENTAL MONITORING




PARAMETER	TAGS	UNIT	DECEMBER	STANDARD DOE CLASS 3
pH value	pH		7.2	6.0 - 9.0
Temperature	Temp	°C	26.1	40
Biochemical Oxygen Demand	BOD	mg/l	<2	20
Chemical Oxygen Demand	COD	mg/l	9	400
Total Suspended Solids	TSS	mg/l	<2	50
Ammoniacal Nitrogen	AN	mg/l	<0.1	5
Mercury as Hg	HG	mg/l	<0.001	0.005
Cadmium as Cd	CD	mg/l	<0.005	0.01
Chromium Hexavalent as Cr 6+	CR6	mg/l	<0.01	0.05
Arsenic as As	AS	mg/l	<0.005	0.05
Cyanide as CN	CN	mg/l	<0.02	0.05

CHALLENGES AT TG12SL



No.1

- Surrounding area is very flat area with peat soil and flood prone.
- Drainage problems due to stagnant irrigation canals



IMPROVEMENT AT TG12SL



No.1

- Drainage system maintenance around TG12SL to prevent stagnant irrigation canals.
- cooperation with Jabatan Perhutanan Negeri Selangor



CHALLENGES AT TG12SL



Issue No.2

Leachate was released by waste truck driver at prohibited area especially along access road to Tg12SL



Issue No.3


Illegal dumping by waste truck driver along access road to TG12SL

IMPROVEMENT AT TG12SL



No.2

- Upgrading of access road to TG12SL and waste reception area is under progressing.



MOVING FORWARD

Phase 3
ISWMC @ Selayang
1,500 Tonnes per day
30 MWatt Installed Capacity
WTE1

Phase 2
ISWMC @ Tg Duabelas
2,500 Tonnes per day
50 MWatt Installed Capacity
WTE1 WTE2

Phase 1
ISWMC @ Jeram
3,500 Tonnes per day
50 MWatt Installed Capacity
WTE1 (Work to start in 2019) WTE2 (Work to start in 2022)

Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)

A 30 years ISWMC Masterplan has been drafted and approved by the Selangor State Government as long term solution for effective solid waste management.

WHB has been assigned to lead the ISWMC development in the State of Selangor





THANK YOU

www.worldwideenvironment.com.my
facebook.com/worldwideenvironment